

Galak 60% beli barang kita

Kerajaan terus tingkat kesedaran kepentingan utamakan produk keluaran Malaysia

Oleh Hamidah Badiran
 hamidah@hmetro.com.my

Bangi

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menyasarkan kira-kira 60 peratus tahap kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membeli barang buatan Malaysia dapat dicapai tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata sasaran itu dianggap realistik dengan apa yang ditawarkan oleh pemain industri runcit-khususnya pada ketika ini dimana kebanyakan daripada mereka turut memiliki produk *in house* mereka sendiri.

Katanya, Kempen Beli Barangan Malaysia dijalankan sejak 1984 dan kini menerusi pelbagai saluran promosi jualan yang agresif dilakukan pihak Kementerian



SAIFUDDIN (tiga dari kanan) melihat produk barangan Malaysia yang ditawarkan di Econsave selepas Majlis Kempen Beli Barangan Malaysia yang turut dihadiri Mas Imran (kiri).

seperti bekerjasama dengan pemain industri termasuk platform e-dagang dan sebagainya, tidak mustahil angka sasaran itu dapat dicapai.

"Kali terakhir kajian impak dilakukan mengenai

kempen ini adalah pada 2014 dengan keputusan mendapati hanya 42 peratus rakyat Malaysia membeli barangan buatan Malaysia.

"Justeru, seiring dengan pelbagai inisiatif, program dan manfaat diperoleh

oleh semua pihak yang terlibat melalui kempen tahun ini, saya sangat optimis di pengakhirannya, kempen ini akan berjaya," katanya ketika merasmikan Kempen Beli Barangan Malaysia di Peringkat Pa-



Melalui promosi jualan agresif dilakukan pihak Kementerian seperti bekerjasama dengan pemain industri termasuk platform e-dagang dan sebagainya, tidak mustahil angka sasaran itu dapat dicapai"

Saifuddin Nasution

saraya Econsave, dekat sini, semalam.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP, Datuk Badrul Hisam Mohd dan Pengurus Besar Econsave Cash & Carry Sdn Bhd, Mas Imran Adam.

Pada majlis berkenaan, Saifuddin turut melakukan

tinjauan beberapa produk barangan Malaysia dan jenama *in house* Econsave.

Saifuddin berkata, menerusi kempen dilaksanakan Econsave, pengguna akan menikmati penjimatan sehingga 20 peratus khususnya barangan keperluan antaranya lampin pakai buang, cecair pencuci pakaian dan barangan dapur.

"Usaha yang dilakukan Econsave harus dipuji kerana secara tidak langsung ia turut menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara," katanya.

Sementara itu, Mas Imran berkata, menerusi kempen ini, sebanyak 1,000 barangan Malaysia terutama produk makanan di pasaran raya berkenaan dikurangkan harga antara lima hingga 20 peratus.

"Ini antara usaha kami dalam menyokong kempen yang dilaksanakan oleh kerajaan agar pengguna mendapat manfaatnya," katanya.